



Perkhidmatan kereta api percuma kepada pesakit kanser kanak-kanak, penjaga

Mac 17, 2023 @ 9:10pm

KUALA LUMPUR: Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB) diminta menyediakan perkhidmatan percuma kepada pesakit kanser kanak-kanak dan penjaga, bagi memudahkan perjalanan mereka menerima rawatan di ibu kota.

Menteri Pengangkutan, Anthony Loke, berkata inisiatif itu bertujuan memudahkan perjalanan pesakit dan penjaga, terutamanya bagi yang berasal dari Semenanjung.

"Saya difahamkan, ramai pesakit perlu datang ke Kuala Lumpur untuk mendapatkan rawatan. Di Semenanjung, kita (Kementerian Pengangkutan) boleh tawarkan perkhidmatan kereta api (percuma) dan saya sudah minta Ketua Setiausaha MOT untuk buat susulan dengan KTMB mengenai perkara ini.

"Dari segi mekanisme, MOT boleh aturkan dengan KTMB dan itu sesuatu yang boleh kita laksanakan," katanya kepada pemberita selepas melancarkan Program Sokongan Kanak-Kanak Kanser (CANSupport), di sini, hari ini.

Pada masa sama, Loke berkata, MOT dan KTMB perlu mencari kaedah integrasi antara aplikasi CANSupport dan KTMB Mobile bagi membolehkan golongan terbabit memanfaatkan perkhidmatan itu.

"Jadi, apabila mereka datang untuk rawatan, mereka boleh tempah tiket melalui aplikasi itu. Kita perlu memahami mekanisme ini dengan lebih lanjut dan bagaimana kita mahukan bantuan ini disalurkan dengan mudah," katanya.

Aplikasi CANSupport adalah hasil kerjasama Tata Consultancy Services Malaysia dengan Malaysia Aviation Group (MAG) dan Persatuan Kanser Kebangsaan Malaysia (NCSM).

Dalam pada itu, Loke berkata, MAG melalui Malaysia Airlines bersetuju memberi sumbangan penerbangan percuma kepada pesakit kanser kanak-kanak, terutamanya dari Sabah dan Sarawak untuk mendapatkan rawatan di ibu negara.

Beliau turut mengalu-alukan syarikat penyedia perkhidmatan e-hailing dan teksi untuk menyokong inisiatif berkenaan, dengan menawarkan perkhidmatan sama kepada golongan terbabit. – BERNAMA